

LAMPIRAN O.1

PENAMBAHBAIKAN GARISPANDUAN BAGI BILIK PAMERAN, RUMAH CONTOH, PEJABAT JUALAN DAN BANGUNAN SEMENTARA DI MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP).

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini merupakan panduan bagi membenarkan permohonan bagi bilik pameran, rumah contoh, pejabat jualan dan bangunan sementara di kawasan MBPP.

Garis panduan ini terbahagi kepada dua (2) iaitu bangunan sementara di luar tapak pemajuan dan bangunan sementara / kekal di dalam tapak pemajuan yang diberi Kebenaran Merancang.

2.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

2.1 Bangunan Sementara Di Luar Tapak Pemajuan

Bil	Perkara	Butiran
1	Kawasan yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none">• Zon Perniagaan.• Zon Pelancongan.
2	Aktiviti yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none">• Bilik Pameran.• Rumah contoh.• Pusat jualan.• Lain-lain yang setara.
3	Tempoh bangunan Sementara	<ul style="list-style-type: none">• Tiga (3) tahun bermula dari tarikh Pelan Bangunan diluluskan.
4	Permohonan Kebenaran Merancang bagi bangunan sementara di luar di tapak pemajuan	<ul style="list-style-type: none">• Hendaklah mengemukakan PKM .• Mematuhi lain-lain polisi dan piawaian perancangan Majlis.• Mematuhi Jabatan-jabatan teknikal yang dirujuk.• Hendaklah nyatakan No. Kebenaran Merancang yang telah diberi atau pelan bangunan yang telah diluluskan.
5	Pelanjutan tempoh bangunan sementara	<ul style="list-style-type: none">• PKM dikecualikan dan hanya perlu kemukakan 'identical building plan' bersama penjelasan (rayuan) permohonan perlanjutan.• Perubahan struktur tidak dibenarkan.• Pertimbangan bagi pelanjutan tempoh bangunan sementara tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa.
6	Had ketinggian	<ul style="list-style-type: none">• Maksima lima (5) tingkat.
7	Pelebaran / penyerahan jalan	<ul style="list-style-type: none">• Pengecualian dari menyediakan pelebaran / penyerahan jalan kepada kerajaan mengikut Draf Tatasusunan Jalan Majlis / kehendak Jabatan Kerja Raya (JKR) boleh dikecualikan atas dasar ianya bangunan sementara.

2.2 Bangunan Sementara / Kekal Di Dalam Kawasan Yang Diberi Kebenaran Merancang

Bil	Perkara	Butiran
1	Kawasan yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none">• Bangunan sementara bagi bilik pameran, rumah contoh dan pusat jualan hendaklah dinyatakan dan ditandakan di atas Kebenaran Merancang yang diberi untuk keseluruhan pemajuan. Contohnya di atas kawasan lapang yang disediakan.• Bangunan kekal bagi rumah contoh / unit contoh atas plot-plot yang diberi Kebenaran Merancang untuk keseluruhan pemajuan. Contohnya di atas plot rumah teres, berkembar, sesebuah dan kedai.
2	Aktiviti yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none">• Bilik Pameran.• Rumah contoh.• Pusat jualan.• Lain-lain yang setara.
3	Permohonan Kebenaran Merancang bagi bangunan sementara / kekal di dalam kawasan yang diberi Kebenaran Merancang	<ul style="list-style-type: none">• Hendaklah selaras dengan Kebenaran Merancang yang diberi
4	Pelanjutan tempoh bangunan sementara	<ul style="list-style-type: none">• PKM dikecualikan dan hanya perlu kemukakan 'identical building plan' bersama penjelasan (rayuan) permohonan perlanjutan.• Perubahan struktur tidak dibenarkan.• Pertimbangan bagi pelanjutan tempoh bangunan sementara tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa.
5	Had ketinggian	<ul style="list-style-type: none">• Selaras dengan Kebenaran Merancang yang diberi. (Maksima lima (5) tingkat.)

3.0 TARIKH PEMAKAIAN

- 3.1 Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa dari tarikh diluluskan dan disahkan di Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) iaitu pada 28.08.2018.
- 3.2 Dengan pemakaian garis panduan ini, garis panduan terdahulu iaitu Garispanduan Bagi Bilik Pameran, Rumah Contoh, Pejabat Jualan Dan Bangunan Sementara di Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang diterimapakai pada 24.08.2017 adalah **dibatalkan**.